

Jangan terlalu agung karya asing: Abdullah

PM minta rakyat hargai keunikan hasil karyawan tempatan

Oleh Anwar Hussin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta rakyat menghargai karya seni tempatan dan tidak terlalu mengagungkan karyawan asing.

Perdana Menteri berkata, adalah sesuatu yang mendukacitakan jika masyarakat tidak menghargai hasil karyawan tempatan sehingga membenarkan karya luar mendominasi serta mempengaruhi hasil seni anak watan.

Bagi mengembalikan minat masyarakat terhadap hasil seni tempatan termasuk seni lukis, arca, ukiran dan sebagainya, Abdullah menyeru penggiat seni mencipta imej yang mempunyai ciri-ciri kepelbagaian budaya rakyat Malaysia.

"Kita terlalu terpujau dengan karya bangsa lain seolah-olah tiada sesuatu pun yang baik mengenai hasil kita.

"Kita tidak boleh membenarkan bangsa asing membentuk imej kita sehingga mempengaruhi bangsa kita," katanya ketika merasmikan Pameran Solo Arca Kaca Raja Azhar Idris bertajuk *Fragility... Versatility: A tribute to Kak Endon*.

Pameran itu diadakan sebagai menghargai jasa Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood terhadap industri batik negara.

Abdullah berkata, Malaysia yang kaya dengan budayanya daripada kaum Melayu, Cina dan India sesuatu yang unik dan penggiat seni perlu mencipta peluang daripadanya.

Beliau berkata, seniman tempatan terutama yang masih muda, memerlukan sokongan rakyat Malaysia bagi memberikan semangat untuk mereka tampil dan mempamerkan karya seni masing-masing.

Sambil mengakui bahawa dirinya tidak begitu tahu mengenai seni, Abdullah bagaimanapun berkata, beliau tetap menyokong penuh industri itu.



PENUH MINAT: Abdullah mendengar penerangan Raja Azhar mengenai Skulptur Pasu Batik 7 pada perasmian Pameran Solo Arca Kaca Raja Azhar Idris yang ditujukan kepada Allahyarham Endon di ibu negara, semalam.

"Saya tidak berapa tahu pasal seni ni, saya tengok satu benda yang Endon bawa balik, saya tanya apa bendanya. Tetapi benda itu lagi dilihat lagi cantik," katanya.

Abdullah berkata, Allahyarham isterinya seorang pencinta seni yang pada hayatnya berusaha melakukan pelbagai perkara untuk meningkatkan lagi industri seni tempatan.

"Banyak yang beliau lakukan dalam masa yang singkat, terutama memberikan keyakinan kepada ramai seniman muda yang berbakat,"

FAKTA NOMBOR

Pameran seni
di Art Case Galleries

30 hari

Tempoh pameran diadakan

150

Karya Raja Azhar dipamerkan

katanya sambil menambah batik satu daripada banyak kerja seni yang Endon berjaya tingkatkan imejnya.

"Saya pasti Endon akan amat gembira jika dia masih ada bersama kita untuk melihat karya saudara (Raja Azhar) yang semakin hebat," katanya sambil berterima kasih kepada penggiat seni itu kerana mengadakan pameran berkenaan.

Kira-kira 150 karya Raja Azhar dipamerkan di Art Case Galleries Sdn Bhd di sini sepanjang pameran sebulan itu yang bermula semalam.